



# BORANG PENERANGAN DAN KEIZINAN ANESTESIA

Kementerian Kesihatan Malaysia

## Maklumat Pesakit

Nama .....

No. K/P .....

Jantina .....

Alamat .....

No. Daftar /RN .....

Nama Pembedahan/Prosedur .....

## Ibubapa/Penjaga

Nama .....

No. K/P .....

Pembiusan memberi kesan terhadap pernafasan dan peredaran darah pesakit manakala pembedahan membawa perubahan kepada tubuh pesakit. Doktor Anestesiologi menggunakan kepakaran dan peralatan khusus untuk memantau dan mengurus pesakit bagi memastikan keselamatan pesakit semasa pembiusan dan pembedahan.

doktor Anestesiologi sentiasa menekankan tentang keselamatan semasa pembiusan. Kematian atau kecederaan kekal amat jarang berlaku.

## Pembiusan Umum :

Menjadikan seseorang pesakit berada dalam keadaan tidak sedar sebelum pembedahan dimulakan. Ini bagi memastikan pesakit tidak menyedari apa yang berlaku dan tidak merasa sakit semasa pembedahan. Pembiusan umum dilakukan dengan memasukkan ubat bius ke dalam salur darah dan/atau melalui gas bius yang disedut dari mesin bius. Tiub pernafasan akan dimasukkan ke dalam mulut atau hidung pesakit untuk membantunya bernafas dengan mesin.

## Pembiusan Setempat :

Melibatkan penggunaan ubat bius setempat untuk melalukan bahagian badan tertentu yang akan dibedah. Pesakit sedar tetapi tidak merasa apa-apa sewaktu pembedahan. Kelegaan sakit tanpa kebas boleh di lanjutkan selepas pembedahan atau kecederaan dengan menggunakan ubat bius setempat yang tidak begitu kuat yang telah di campurkan dengan ubat narkotik.

## Risiko Pembiusan Am

### Risiko yang biasa terjadi :-

- Kesan lebam di tempat suntikan atau pemasangan tiub aliran darah
- Loya atau muntah
- Sakit tekak disebabkan oleh gas pembiusan dan/atau tiub pernafasan. Pesakit akan mungkin mengalami kesukaran bercakap tetapi ini akan pulih seperti sediakala dalam masa beberapa jam
- Kesakitan otot yang sementara
- Sakit kepala atau kabur penglihatan buat sementara

### Risiko yang mungkin tetapi jarang berlaku :-

- Menyedari aktiviti yang berlaku di dewan bedah ketika di bawah pembiusan umum terutama semasa pembedahan tertentu dan dalam beberapa situasi kecemasan
- Luka di mata yang menyebabkan kesakitan dan mungkin memerlukan rawatan
- Kecederaan kepada gigi, gusi, bibir dan lidah

### Risiko yang sangat jarang sekali berlaku tetapi mungkin boleh mengakibatkan kerosakkan otak atau kematian :-

- Saluran pernafasan tersumbat dan tidak dapat dikawal menyebabkan pesakit sukar untuk bernafas
- Alahan terhadap ubat yang boleh menyebabkan kesesakan nafas dan ruam dan kadang-kadang bengkak yang teruk, tekanan darah yang menurun dan peredaran darah menjadi lemah
- Otot yang sensitif terhadap ubat bius tertentu ( malignant hyperthermia ). Ini akan menyebabkan suhu badan, degupan jantung, tekanan darah dan kadar pernafasan meningkat naik secara mendadak dan otot menjadi kejang
- Serangan jantung, angin ahmar dan jangkitan paru-paru walaupun jarang berlaku, tetapi risikonya adalah lebih tinggi di kalangan pesakit yang mempunyai penyakit salur darah atau paru-paru dan penghisap rokok

## Risiko Pembiusan Setempat

### Risiko yang biasa terjadi :-

- Kelemahan otot di bahagian anggota badan yang dibius. Bagi kes yang melibatkan pembiusan di bahagian bawah badan, kesukaran kencing mungkin dialami sewaktu kesan bius masih berjalan. Walaupun ini akan beransur pulih seperti biasa apabila kesan ubat bius habis, tetapi pesakit mungkin memerlukan bantuan tiub saluran kencing buat sementara waktu
- Sakit kepala yang kebiasaannya akan baik dalam tempoh yang singkat tetapi boleh juga bertambah teruk dan berterusan selama beberapa hari

### Risiko yang mungkin tetapi jarang berlaku :-

- Kerosakan kepada salur darah dan organ yang berdekatan, seperti paru-paru
- Sakit belakang mungkin dialami selepas pembiusan 'spinal' atau epidural. Kebiasaannya, ia akan baik dengan sendiri tetapi boleh juga berterusan untuk tempoh yang agak lama
- Terdapat juga risiko kecil berlakunya jangkitan kuman atau pendarahan di tempat suntikan yang mungkin memerlukan rawatan antibiotik atau pembedahan

### Risiko yang sangat jarang berlaku :-

- Kerosakan urat saraf, walaupun jarang-jarang berlaku boleh mengakibatkan kelemahan anggota badan, sakit, gangguan sensasi atau lumpuh untuk tempoh yang berpanjangan

## Nota \*\*

*Risiko-risiko lain yang agak luar biasa tidak di senaraikan di sini. Sila rujuk kepada pakar anestesiologi yang berkenaan sekiranya terdapat persoalan samada yang umum ataupun khusus.*

LIHAT SEBELAH →

**RISIKO-RISIKO INDIVIDU ( untuk diisi oleh Pegawai Perubatan/Pakar Anestesiologi )**

Berikut adalah contoh-contoh risiko yang kemungkinan berlaku & komplikasi khusus terhadap pesakit ini :

.....

.....

.....

.....

**PENGAKUAN OLEH PESAKIT / PENJAGA / WAKIL**

- Saya mengaku bahawasanya doktor Anestesiologi telah memaklumkan kepada saya mengenai prosedur pembiusan, rawatan alternatif dan menjawab semua persoalan & kemusykilan saya. Saya faham bahawa ada kemungkinan doktor Anestesiologi yang berbeza akan membius saya pada hari pembedahan.
- Saya mengaku bahawasanya saya telah berbincang dengan doktor Anestesiologi mengenai risiko-risiko penting dan komplikasi khusus yang berkait rapat dengan saya dan saya telah memutuskan untuk menjalani pembiusan .

Tandatangan Pesakit ..... No. K/P .....

Nama ( Huruf Besar ) ..... Tarikh .....

**Sekiranya penjaga / wakil yang memberi kebenaran**

Tandatangan  
Penjaga / Wakil ..... No. K/P .....

Nama ( Huruf Besar ) ..... Hubungan .....

Tarikh .....

**PENGAKUAN DOKTOR ANESTESIOLOGI YANG BERKENAAN**

- Saya mengaku bahawa saya telah menerangkan ciri-ciri pembiusan umum atau setempat yang akan diberikan dan telah membincangkan mengenai risiko-risiko yang mungkin dialami oleh pesakit. .
- Saya telah memberi peluang kepada pesakit untuk bertanya dan telah menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Tandatangan Doktor ..... No. K/P .....

Nama ( Huruf Besar ) ..... Tarikh .....

Tandatangan  
Saksi / Penterjemah ..... No. K/P .....

Nama ( Huruf Besar ) ..... Tarikh .....

**PENERANGAN SEMULA** .....

Tandatangan Pesakit ..... No. K/P .....

Nama ( Huruf Besar ) ..... Tarikh .....

Tandatangan Doktor ..... No. K/P .....

Nama ( Huruf Besar ) ..... Tarikh .....

Tandatangan  
Saksi / Penterjemah ..... No. K/P .....

Nama ( Huruf Besar ) ..... Tarikh .....